

Keperluan Kursus Keusahawanan Dalam Kalangan Usahawan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Bumiputera Sabah

Shahrin Bin Hashim & Hasma Bt Beddu Halike
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kajian ini bertujuan mengenalpasti keperluan kursus keusahawanan dalam kalangan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bumiputera Sabah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kursus yang paling diperlukan berkaitan pengurusan perniagaan, pengurusan pemasaran, pengurusan kewangan dan pengurusan operasi. Seramai 50 orang usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bumiputera Sabah telah diambil sebagai responden. Dapatan kajian diproses menggunakan SPSS versi 16 untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil kajian ini mendapati usahawan IKS Bumiputera Sabah memerlukan kursus berkaitan keusahawanan bagi memajukan lagi perniagaan mereka pada masa hadapan. Kursus yang paling diperlukan oleh usahawan adalah berkaitan dengan pengurusan operasi dengan min 4.15, diikuti dengan kursus pengurusan perniagaan dan pengurusan pemasaran 4.10, dan pengurusan kewangan 4.07.

Katakunci : keperluan kursus keusahawanan, Usahawan Industry Kecil Dan Sederhana (IKS)

Pengenalan

Tiga atau empat dekad yang lalu, kerjaya sebagai usahawan bukan merupakan pilihan bagi kebanyakan orang. Ini kerana peluang-peluang perniagaan tidak begitu menyerlah dan banyak pekerjaan lain yang lebih mudah didapati. Kebanyakan berpendapat bahawa keusahawanan adalah sesuatu yang sukar dan ianya merupakan satu kerjaya yang tidak terjamin berbanding jika bekerja makan gaji, lebih-lebih lagi bekerja dengan Kerajaan. Malahan tidak salah jika dikatakan bahawa golongan bumiputera yang menceburi diri dalam bidang keusahawanan adalah kerana terpaksa disebabkan oleh kegagalan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lain. Mereka yang menjadi 'usahawan terpaksa' ini selalunya tidak begitu bersedia dari segi kemahiran terutamanya untuk mengharungi cabaran dan dugaan dunia perniagaan.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1970 telah memberi kesedaran dan peluang kepada golongan bumiputera khususnya untuk menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya. Oleh itu, berbagai langkah telah diperkenalkan untuk menggalakkan keusahawanan kepada golongan bumiputera. Penekanan oleh Kerajaan dalam pembangunan usahawan menjadi lebih ketara dengan tertubuhnya Kementerian Pembangunan Usahawan pada 8 Mei 1995.

Wawasan negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 juga menjurus kepada dasar-dasar Kerajaan untuk terus menggerakkan negara ke arah perindustrian dan perdagangan. Dasar-dasar ini dengan secara langsung telah meningkatkan lagi peluang-peluang keusahawanan dan melahirkan ramai usahawan dari pelbagai kaum.

Selaras dengan itu juga, pelbagai pihak telah mula menyedari bahawa salah satu langkah penting dalam mencapai hasrat ini ialah melalui bantuan dan sokongan kepada pembangunan IKS. Kadar pembangunan ekonomi negara semakin pesat, pertumbuhan sektor perkilangan yang meyakinkan dan wawasan negara ke arah negara perindustrian 2020, ternyata memerlukan sokongan dan sumbangan IKS yang lebih besar dan bermakna.

Penyataan Masalah

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti keperluan kursus keusahawanan dalam kalangan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bumiputera Sabah yang meliputi kursus berkaitan pengurusan perniagaan, pengurusan pemasaran, pengurusan kewangan dan pengurusan operasi.

Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian ini dilakukan:

- i. Mengetahui kursus yang paling diperlukan oleh usahawan IKS Bumiputera Sabah dalam bidang pengurusan perniagaan.
- ii. Mengetahui kursus yang paling diperlukan oleh usahawan IKS Bumiputera Sabah dalam bidang pengurusan pemasaran.
- iii. Mengetahui kursus yang paling diperlukan oleh usahawan IKS Bumiputera Sabah dalam bidang pengurusan kewangan.
- iv. Mengetahui kursus yang paling diperlukan oleh usahawan IKS Bumiputera Sabah dalam bidang pengurusan operasi.

Kepentingan Kajian

Berikut merupakan kepentingan kajian ini dijalankan:

- 1) Dapat meluaskan pengetahuan pengkaji dalam bidang perniagaan sekiranya ingin menjadi usahawan atau sebarang bidang yang berkaitan.
- 2) Kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap kemajuan dan peningkatan para usahawan kecil sederhana Bumiputera dalam bidang perniagaan.
- 3) Menjadi sumber rujukan kepada pihak tertentu berkenaan dengan potensi usahawan Bumiputera untuk berjaya dalam perniagaan.
- 4) Menimbulkan minat dan menambahkan pengetahuan individu dan ahli masyarakat terhadap bidang usahawan.
- 5) Menjadi panduan kepada bakal-bakal usahawan dan usahawan baru menceburi bidang perniagaan untuk mempertingkatkan perniagaan mereka.
- 6) Memberi kesedaran kepada masyarakat agar menghargai sumbangan para usahawan kecil sederhana Bumiputera.
- 7) Menggalakkan guru-guru dan ibu bapa menyemai nilai dan sikap keusahawanan dalam diri pelajar.

Skop Kajian

Fokus kajian yang dijalankan adalah terhadap keperluan kursus keusahawanan di kalangan usahawan IKS Bumiputera Sabah. Antara kursus yang terlibat adalah kursus-kursus yang berkaitan pengurusan perniagaan, pengurusan pemasaran perniagaan, pengurusan kewangan perniagaan dan pengurusan operasi perniagaan.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian tentang kursus pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran dan pengurusan operasi yang dijalankan di daerah Kunak, Sabah dilakukan secara deskriptif iaitu peratus, frekuensi dan min dengan menggunakan kaedah

tinjauan deskriptif. Instrumen berbentuk soal selidik diedarkan kepada usahawan-usahawan IKS Bumiputera.

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat dan data-data mengenai keperluan kursus keusahawanan di kalangan usahawan IKS Bumiputera Sabah. Ujian statistik yang sesuai akan digunakan dalam menganalisis data-data yang diperolehi. Data-data yang dikumpulkan adalah untuk meninjau kursus keusahawanan yang diperlukan oleh usahawan IKS Bumiputera dalam memajukan perniagaan mereka.

Reka bentuk ini dipilih kerana amat sesuai untuk meninjau dan mengenal pasti kursus keusahawanan yang paling diperlukan oleh usahawan IKS Bumiputera di daerah Kunak, Sabah. Usahawan-usahawan IKS Bumiputera yang dipilih adalah terdiri daripada usahawan yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya setahun.

Kajian ini terdiri daripada pemboleh ubah bersandar dan tak bersandar. Pemboleh ubah bersandar terdiri daripada keperluan kursus keusahawanan, manakala pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada pengurusan perniagaan, pengurusan pemasaran, pengurusan kewangan dan pengurusan operasi.



Rajah 1: Pembolehubah bersandar dan tidak bersandar

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Jabatan Pendaftaran Perniagaan daerah Kunak bilangan usahawan IKS Bumiputera Sabah daerah Kunak yang telah berniaga sekurang-kurangnya setahun adalah seramai 50 orang. Penyelidik mengambil usahawan yang telah berniaga sekurang-kurangnya setahun kerana pinjaman kewangan hanya diberikan kepada usahawan yang telah berniaga sekurang-kurangnya setahun.

Penyelidik tidak menggunakan kaedah persampelan kerana jumlah populasi yang sedikit.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Pemilihan soal selidik berdasarkan kesesuaian kajian bagi memperolehi maklumat penting. Menurut Ahmad Mahzan (1991) soal selidik mengandungi soalan yang telah dibentuk khas untuk mengumpul data kajian. Soalan kajian diatur dan digubal sebegitu rupa supaya menolong responden berasa selesa dan boleh mengingati semula perkara-perkara yang telah berlaku pada masa lampau.

Menurut Mohd Najib Ghafar (1998), soalan yang menggunakan skala likert membolehkan responden berpeluang menandakan atau memilih jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skil dari satu ekstrem kepada ekstrem, iaitu dari satu kontinum. Mohd Najib Ghafar (1998) turut menyatakan bahawa instrumen dengan soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data senang diproses untuk dianalisis. Dalam kajian ini, satu set soalan selidik dibentuk untuk diedarkan kepada responden. Soal selidik yang akan disediakan terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu bahagian A dan B.

Bahagian A : Bahagian ini terdiri daripada maklumat am yang terdiri daripada item-item yang berhubung dengan latar belakang responden. Antaranya jantina, bangsa, status, umur, taraf pendidikan, tempoh perniagaan, pernah mengikuti kursus atau tidak dan jenis perusahaan yang dijalankan.

Bahagian B : Bahagian ini terdiri daripada 40 item untuk mengenal pasti kursus keusahawanan yang paling diperlukan dalam bidang pengurusan perniagaan, pengurusan pemasaran, pengurusan kewangan dan pengurusan operasi oleh usahawan IKS Bumiputera dalam menjayakan perniagaan. Setiap persoalan kajian terdiri daripada 10 item yang terdiri daripada item positif dan negatif.

Kajian Rintis

Satu kajian telah dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian seterusnya dijalankan. Kajian rintis soal selidik pada tahap ini adalah berguna bagi mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang masih wujud dalam soal selidik. (Azizi, 2006).

Semua borang jawapan tersebut dikumpul dan data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan program komputer “Statistical Package Of Social Science (SPSS) for Windows”.

Jadual 1: Analisis keputusan kebolehpercayaan kajian rintis

Bil	Sub Skala	Nilai Alpha
B	Pengurusan Perniagaan	0.929
C	Pengurusan pemasaran Perniagaan	0.831
D	Pengurusan kewangan Perniagaan	0.735
E	Pengurusan Operasi Perniagaan	0.873
Kebolehpercayaan Keseluruhan		0.958

Jadual 1 menunjukkan analisis keputusan kebolehpercayaan. Kajian rintis menggunakan kaedah Cronbach.

Dapatan Kajian

Kursus Dalam Bidang Pengurusan Perniagaan

Daripada data yang diperolehi, purata peratus responden yang bersetuju dengan keseluruhan item yang berkaitan dengan kursus pengurusan perniagaan adalah sebanyak 88.18%, berbanding purata peratus sebanyak 9.1% tidak pasti dan 2.73% tidak setuju. Purata min yang didapati pula agak tinggi iaitu sebanyak 4.10. Ini menunjukkan usahawan IKS Bumiputera Sabah di daerah Kunak memerlukan kursus berkaitan pengurusan perniagaan.

Min yang tertinggi dalam persoalan kajian ini adalah 4.30 iaitu yang mempersoalkan kursus berkaitan cara menarik pelanggan. Dalam persoalan ini didapati 97.7% daripada 44 orang responden bersetuju bahawa mereka memerlukan kursus tersebut dan hanya 2.3% sahaja tidak pasti. Min kedua tertinggi adalah 4.23 iaitu yang mempersoalkan kursus berkaitan pengurusan dalam premis perniagaan dan kursus berkaitan cara berkomunikasi dengan berkesan. Seterusnya adalah persoalan yang berkaitan dengan kursus membina keupayaan berdaya saing dengan min 4.20. Persoalan seterusnya adalah yang kursus berkaitan dengan pengurusan kualiti iaitu 4.18, kursus berkaitan etika perniagaan iaitu 4.16, kursus berkaitan pengurusan luaran premis perniagaan iaitu 4.14 dan kursus berkaitan pengaplikasian computer iaitu 3.89.

Min terendah dalam persoalan kajian ini adalah item yang mempersoalkan kursus berkaitan pengurusan pekerja iaitu 3.81 dan kursus penyediaan dokumendokumen perniagaan dengan min 3.86.

Kursus Dalam Bidang Pengurusan Pemasaran

Secara keseluruhannya, purata min untuk persoalan kajian ini adalah tinggi iaitu sebanyak 4.10. Seramai 87.2% orang responden bersetuju bahawa mereka memerlukan kursus berkaitan pengurusan pemasaran, manakala 12.7% menjawab tidak pasti dan hanya 0.23% yang tidak bersetuju.

Bagi min yang paling tinggi dalam persoalan kajian ini adalah persoalan yang berkaitan dengan kursus pengurusan persekitaran pemasaran iaitu 4.27, diikuti dengan persoalan berkaitan dengan kursus cara membuat rancangan strategik dengan 4.23, persoalan berkaitan kursus cara mengenal gelagat pengguna sebanyak 4.20, persoalan berkaitan penyelidikan pemasaran dan cara membuat ramalan jualan dengan masing-masing 4.14, persoalan berkaitan kursus penentuan harga dengan 4.11, persoalan berkaitan kursus pengurusan jualan dengan 4.05, persoalan berkaitan kursus membuat promosi dengan 4.02 dan kursus berkaitan pengurusan saluran agihan dengan 4.00.

Bagi min yang paling rendah dalam persoalan ini adalah persoalan yang berkaitan dengan kursus berkaitan undang-undang dalam pasaran iaitu 3.86.

Kursus Dalam Bidang Pengurusan Kewangan

Daripada data yang diperolehi, secara keseluruhannya didapati 89.77% responden bersetuju bahawa mereka memerlukan kursus berkaitan dengan pengurusan kewangan. Manakala 10% tidak pasti dan hanya 2.3% responden menjawab tidak setuju dengan persoalan kajian ini. Purata min keseluruhan untuk persoalan kajian ini adalah tinggi iaitu 4.07.

Dalam persoalan kajian ini, min tertinggi adalah 4.23 iaitu persoalan yang berkaitan dengan kursus cara mendapatkan sumber pembiayaan, diikuti dengan persoalan yang berkaitan dengan kursus pengurusan stok/inventori dengan 4.16, persoalan yang berkaitan dengan kursus pengurusan kredit dengan 4.11, persoalan berkaitan dengan kursus untuk mendapatkan pusingan modal dengan betul 4.09, persoalan berkaitan dengan kursus untuk menguruskan perbelanjaan dengan berhemah dengan 4.07, persoalan berkaitan dengan kursus pengurusan tunai dengan 4.05 dan persoalan berkaitan dengan kursus cara menganalisis penyata kewangan dengan 4.02.

Min terendah dalam persoalan kajian ini adalah 3.89 iaitu bagi persoalan yang berkaitan dengan kursus pengurusan modal kerja, menganalisis volum untung dan cara mengesan kehilangan asset.

Kursus Dalam Bidang Pengurusan Operasi

Secara keseluruhannya purata min untuk persoalan kajian ini adalah tinggi iaitu 4.15. Daripada data yang diperolehi, didapati 92.49% usahawan IKS Bumiputera Sabah bersetuju memerlukan kursus berkaitan dengan kursus operasi perniagaan, 6.14% tidak pasti dan 1.36% lagi tidak bersetuju.

Bagi persoalan kajian ini, min tertinggi adalah 4.31 iaitu persoalan yang berkaitan dengan kursus berkaitan pengenalan lokasi kemudahan. Seterusnya diikuti dengan persoalan yang berkaitan dengan kursus cara merancang pengeluaran 4.30, persoalan yang berkaitan dengan kursus pengurusan proses pengeluaran dengan 4.23, persoalan yang berkaitan dengan kursus perancangan kapasiti dengan 4.22, persoalan yang berkaitan dengan kursus pengurusan tenaga kerja dalam proses pengeluaran dan pengukuran kualiti kerja dengan masing-masing 4.18, persoalan yang berkaitan dengan kursus pengurusan kualiti pengeluaran dengan 4.12 dan persoalan yang berkaitan dengan kursus pengurusan operasi pengeluaran 4.11.

Min terendah adalah persoalan yang berkaitan dengan kursus penggunaan teknologi dalam pengeluaran iaitu dengan 3.90 dan kursus berkaitan penskedulan/penjadualan operasi pengeluaran dengan 3.98 .

Perbincangan

Pengetahuan tentang pengurusan perniagaan boleh diperolehi melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh pelbagai pihak misalnya MARA, KPU dan PKEN. Secara keseluruhannya min yang diperolehi daripada persoalan kajian ini adalah tinggi iaitu sebanyak 4.10. Hal ini menunjukkan Usahawan IKS Bumiputera Sabah memerlukan kursus berkaitan pengurusan perniagaan. Kursus yang paling diperlukan adalah kursus yang berkaitan dengan cara menarik pelanggan. Menurut Barjoyai Bardai dan Mohd. Fairuz Md. Salleh (1998), usahawan perlu sentiasa menganggap bahawa pelanggan adalah orang yang terpenting dalam perniagaan. Oleh yang demikian usahawan haruslah sentiasa sedaya upaya untuk memaksimumkan nilai yang dapat diperolehi oleh pengguna daripada penggunaan barang atau perkhidmatan yang dibekalkannya. Usahawan haruslah mempunyai pengetahuan yang luas tentang cara menarik pelanggan agar membeli produk keluaran. Usahawan juga tidak seharusnya memikirkan cara mendapatkan pelanggan sahaja tetapi juga memikirkan cara mengekalkan pelanggan.

Usahawan IKS Bumiputera Sabah juga memerlukan kursus berkaitan cara berkomunikasi dengan berkesan. Komunikasi yang berkesan amat penting dalam menarik pelanggan. Usahawan haruslah mempunyai pengetahuan yang luas bagi mempengaruhi pengguna agar membeli produk keluaran mereka. Menurut Jaafar Muhamad (1993), komunikasi yang berkesan hanya akan berlaku jika dua individu saling memahami istilah-istilah yang digunakan. Misalnya usahawan yang tidak boleh bertutur dalam bahasa inggeris akan mempunyai masalah untuk berkomunikasi dengan pelanggan dari luar negara. Oleh yang demikian untuk meningkatkan kebekesanan dalam berkomunikasi, usahawan juga harus bijak menguruskan komunikasi misalnya mengawal alir pergerakan maklumat, menggunakan maklum balas, menggunakan bahasa yang mudah, mendengar dengan teliti dan mengelakkan daripada beremosi ketika berkomunikasi.

Selain kursus yang disebutkan di atas, usahawan juga memerlukan kursus-kursus lain yang berkaitan misalnya pengurusan kualiti, etika perniagaan, aplikasi komputer dan cara menyediakan dokumen-dokumen perniagaan dengan betul dan sistematik. Kursus-kursus ini walaupun mempunyai tahap yang rendah berbanding kursus perniagaan yang lain namun usahawan juga harus mempunyai pengetahuan yang berkaitan kursus tersebut.

Kursus yang paling kurang diperlukan dalam persoalan kajian ini adalah kursus yang berkaitan dengan pengurusan pekerja dengan min 3.81. Secara keseluruhannya, usahawan IKS Bumiputera Sabah memerlukan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan Perniagaan. Oleh

yang demikian pihak-pihak yang tertentu haruslah mendedahkan dan menyediakan kursus kepada usahawan-usahawan ini. Usahawan juga seharusnya tidak hanya bergantung harap dan menunggu sehingga ditawarkan kursus. Sebaliknya mereka haruslah mencari inisiatif sendiri untuk menambahkan ilmu pengetahuan mereka tentang ilmu pengurusan perniagaan perniagaan.

Dapatan kajian mendapati bahawa usahawan IKS Bumiputera Sabah memerlukan kursus berkaitan pemasaran. Purata min yang tinggi diperolehi daripada persoalan kajian ini iaitu 4.10. Pemasaran merupakan satu bidang yang luas yang melibatkan beberapa bidang lain dalam perniagaan. Oleh yang demikian bidang ini menghadapi berbagai-bagai cabaran. Antaranya adalah seperti cabaran dalam memenuhi kepuasan pengguna yang pelbagai ragam dan rupa. Oleh yang demikian, ahli pemasaran perlu peka dan berhati-hati agar kehendak dan keperluan pengguna dipenuhi.

Usahawan juga harus bijak mempromosikan produk keluaran syarikat. Menurut Jaafar Muhamad (1993), promosi bermaksud usaha syarikat atau organisasi mempengaruhi, memujuk dan meyakinkan pelanggan tentang kelebihan keluaran dan perkhidmatan yang diberikan. Melalui strategi promosi yang betul dan bijak dijangka dapat menentukan kejayaan sesebuah syarikat untuk meninggikan imejnya pada pengguna terhadap keluaran yang dipasarkan. Dalam usaha untuk membangunkan dan meluaskan peranan promosi dalam pemasaran, beberapa media komunikasi perlu dipilih agar ia dapat dijadikan satu alat yang paling berkesan. Misalnya pengiklanan, publisiti, jualan peribadi dan promosi jualan.

Kursus yang paling kurang diperlukan dalam persoalan kajian adalah pengurusan saluran agihan dan aspek undang-undang dalam pemasaran dengan min masing-masing 4.00 dan 3.98. Secara keseluruhannya, usahawan IKS Bumiputera Sabah memerlukan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan pemasaran.

Dalam persoalan kajian ini, kursus yang paling diperlukan adalah kursus yang berkaitan dengan sumber pembiayaan iaitu dengan min 4.23. Usahawan haruslah mengetahui sumber-sumber pembiayaan yang terdapat di Malaysia bagi membolehkan mereka menambahkan modal untuk sesuatu projek. Hal ini selari dengan apa yang dikatakan oleh M.B. Muda, *et al* (2003) apabila seseorang itu telah bersedia untuk menjadi seorang usahawan, salah satu langkah yang perlu di ambil ialah menyiapkan perniagaannya dengan modal. Modal diperlukan untuk memulakan perniagaan dan tambahan sumber dana yang dikehendaki untuk keperluan seterusnya sepanjang pengendalian perniagaan. Sumber pembiayaan boleh diperolehi daripada badan-badan seperti Bank Perdagangan, Bank Saudagar, Bank Pembangunan, Syarikat-syarikat berlesen dan agensi-agensi kerajaan. Antara bentuk-bentuk kemudahan yang diberi oleh institusi kewangan adalah seperti pinjaman berpenggal, overdraf, sewa pajak dan sebagainya. Oleh yang demikian, usahawan haruslah mengetahui sumber-sumber pembiayaan yang terdapat di Malaysia bagi membantu mereka memajukan lagi perusahaan yang diusahakan.

Kursus seterusnya yang diperlukan oleh usahawan adalah kursus yang berkaitan dengan pengurusan stok dan inventori. Menurut Jamaludin Abu Bakar (1986), pengurusan stok ataupun inventori merupakan antara kerja yang paling rumit di mana usahawan terpaksa menyediakan satu stor atau tempat menyimpan barangan yang akan dijual semula. Sebelum membuat sebarang belian, usahawan juga harus memikirkan perkara-perkara seperti benda yang hendak dibeli, masa pembelian, tempat pembelian, kuantiti pembelian dan harga barangan yang hendak dibeli. Usahawan juga seharusnya menyediakan rekod keluar masuk stok yang tepat dan kemas. Hal ini akan memudahkan usahawan mengetahui dengan tepat pergerakan setiap barangan premisnya. Selain itu, usahawan yang tidak mempunyai rekod terperinci mengenai setiap barangan yang dijual akan memudahkan berlakunya penyelewengan misalnya kecurian.

Rujukan

- Azizi Yahaya, *et al.* (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Barjoyai Bardai (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan Bahagian 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Derek F. A and John S.H (1979). *Strategic Marketing Planning*. New Jersey: Prentice Hall.
- Ibrahim Abu Shah (1995). *Industri Kecil dan Sederhana di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Shamsiah Md.Said dan Norlida Abd. Halim.
- Ishak Shari & Wook Endut (1989). *Industri kecil di Malaysia. Perkembangan struktur dan masalah*. Kuala Lumpur: Amk Interaksi Sdn.Bhd.
- Jaafar Muhamamad (1993). *Asas Pengurusan Perniagaan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd Yusop bin Ab.Hadi (2003). *Keperluan Pengayaan Ilmu Dalam Menjayakan Perniagaan Di kalangan Usahawan Kecil Bumiputera Ke arah Melahirkan Usahawan Industri Kecil Sederhana Yang Berjaya*. Batu Pahat: KUITHO.
- Nor Aishah Buang (2002). *Asas Keusahawanan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Paul E.g and Ronalds S.Tull (1978). *Reseach for Marketing Decisions, edisi keempat*. New Jersey: Prentice Hall.
- Syed Abdul Hamid Aljunaid dan Jamil Osman (1991). *Pengurusan Perniagaan Islam*. Shah Alam: Hizbi Sdn.Bhd.
- Weber. M (1978). *Economy and Society: An Outline Of Interpretive Sociology*. Berkeley: University of California Press.
- Yep Putih (1985). *Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Mohd.Said (1988). *Pengurusan Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.